

# Cagamas muktamad bon, sukuk RM550 juta

**KUALA LUMPUR:** Cagamas Bhd berjaya memuktamadkan bon dan sukuk bernilai RM550 juta yang merangkumi Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) lima tahun sebanyak RM500 juta dan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) RM50 juta bagi lima tahun.

Hasil daripada terbitan itu akan digunakan bagi menampung pembelian pembiayaan perumahan dan aset layak daripada sistem kewangan domestik, katanya dalam satu kenyataan semalam.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong berkata IMTN itu dapat dimuktamadkan melalui proses penetapan harga yang membolehkan syarikat menetapkan harganya pada lima mata asas dengan nisbah akhir sebanyak

3.05 kali mapakala CMTN disenaraikan secara persendirian.

"IMTN itu berjaya menarik langganan daripada pelbagai barisan pelabur termasuk institusi kewangan, dana persaraan, institusi pengurusan aset, syarikat insurans dan badan negara."

"Kami juga gembira dapat memulakan tahun ini dengan terbitan bon dan sukuk bernilai RM550 juta walaupun wujud ketidakpastian mengenai hala tuju kadar faedah global serta kebimbangan mengenai kemelesetan pada tahun ini," kata beliau.

Kesemua nota itu yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, merupakan obligasi tidak bercagar syarikat dan pada kedudukan 'pari passu' atau setara dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat tersebut. — Bernama

## Cagamas



**"IMTN itu berjaya menarik langganan daripada pelbagai barisan pelabur termasuk institusi kewangan, dana persaraan, institusi pengurusan aset, syarikat insurans dan badan negara."**

**— Datuk Chung Chee Leong**